

29 NOV 1996

Rozali - Exco

ROZALI DAN RAKAN-RAKAN SETUJU LETAK JAWATAN EXCO

KOTA BAHARU, 29 Nov (Bernama) -- Empat anggota Umno dalam Exco Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju meletak jawatan sebagai mematuhi keputusan Majlis Tertinggi Umno malam tadi.

Mereka ialah Timbalan Menteri Besar II, Datuk Rozali Isohak (Dabong), Nik Mustapha Nik Loding, (Gual Periok), Haji Daud Jaafar, (Jelawat) dan Mohd Noor Ahmad (Pulai Chondong).

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengumumkan keputusan MT itu berkata keempat-empatnya mesti meletak jawatan kerana Umno tidak menubuhkan kerajaan campuran dengan PAS yang memerintah Kelantan.

Mereka memegang jawatan itu setelah PAS dan Parti Melayu Semangat 46 (S-46), yang bergabung dalam Angkatan Perpaduan Ummah, menubuhkan kerajaan di Kelantan selepas pilihan raya umum pada tahun 1995.

Bagaimanapun PAS memutuskan hubungan dengan S-46 berikutan cadangannya untuk meminda perlembagaan Kelantan untuk mengurangkan imuniti Sultan Kelantan yang tidak dipersetujui oleh S46.

Ekoran pembubaran S-46 pertengahan tahun ini, keempat-empatnya menyertai Umno.

Rozali yang juga bekas Pengerusi Perhubungan S-46 Kelantan, memberitahu pemberita di kediamannya di sini hari ini beliau dan tiga rakannya itu akan meletak jawatan itu sebaik saja menerima surat rasmi daripada ibu pejabat Umno.

Katanya beliau akan menemui Setiausaha Agung Umno yang baru Datuk Sabbaruddin Chik bagi mempercepatkan proses peletakan jawatan itu untuk membolehkan beliau menghadap Sultan Kelantan bagi mendapat perkenan.

Rozali berkata keputusan itu memang telah diduga dan selaras dengan hasrat mereka kerana tidak mahu berada lebih lama lagi dalam kerajaan bersama PAS.

Beliau juga meminta semua bekas anggota S-46 yang masih memegang jawatan dalam kerajaan negeri supaya meletak jawatan atau tidak menyambung kontrak pada akhir tahun ini.

Antara yang terlibat ialah 400 penghulu.

Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyambut baik keputusan MT itu yang disifatkannya sebagai bijaksana.

"Ini bermakna masalah besar yang dihadapi oleh PAS mentadbir kerajaan negeri sudah selesai," kata beliau.

Nik Aziz berkata kekosongan itu akan digantikan oleh anggota PAS. --

BERNAMA

WM MAI